

SEJARAH TINGKATAN 4 (KSSM)
BAB 2 : KEBANGKITAN NASIONALISME

PBD 2.1 MAKSUD NASIONALISME

Perjuangan hendaklah melalui persatuan dengan menggunakan segala tenaga yang ada untuk mencapai kemerdekaan melalui adab sopan bangsa Melayu dan agama Islam.

1. Siapakah tokoh yang telah memberi tafsiran berkaitan dengan nasionalisme seperti pernyataan di atas. (ms.23)
A Dato' Onn Jaafar
B Dr. R. Suntharalingam
C Dr. Burhanuddin al.Helmi
D Professor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid
2. Apakah yang boleh dikaitkan dengan konsep nasionalisme? (ms.22)
A Rakyat terlibat dalam pentadbiran
B Pengenalan birokrasi barat
C Penjajahan terhadap negara lain
D Cinta akan bangsa dan negara

PBD 2.2 PERKEMBANGAN IDEA NASIONALISME DI BARAT

3. Revolusi keagungan telah berlaku di England pada tahun 1688. Mengapakah revolusi tersebut tercetus? (ms.24)
A Membentuk negara bangsa
B Mempertahankan sistem beraja
C Membanteras kegiatan pemberontak
D Menegakkan kedaulatan parlimen
4. Revolusi Perancis yang berlaku pada tahun 1789 merupakan manifestasi daripada perjuangan kebebasan, persamaan dan persaudaraan. Apakah kesan revolusi tersebut terhadap Perancis?(ms.24)
A Penyatuan negara dan bangsa
B Pemerintahan beraja berakhir
C Perkembangan kegiatan Imperialisme
D Pengukuhan kuasa bangsawan
5. Di England, mengapakah pencetusan revolusi dikenali sebagai Revolusi Keagungan? (ms.24)
A Penglibatan golongan bangsawan
B Rakyat Berjaya dalam peperangan
C Peralihan kuasa secara aman
D Melibatkan Yang di-Pertuan Agung
6. Apakah tujuan penggubalan **Bill of Rights** di England? (ms.24)
A Mempertahankan hak parlimen
B Menghapuskan hak mengutip cukai
C Untuk memantapkan pentadbiran negara
D Untuk mendapatkan sokongan Mary II

Two Treatises of Government

7. Karya ini dihasilkan oleh John Locke untuk menolak konsep pemerintahan raja berkuasa mutlak. John Locke menegaskan bahawa undang-undang perlu digubal bagi memenuhi hak asasi manusia. Karya ini mempopularkan... (ms.24)
A Keagungan Raja James II
B Revolusi Keagungan 1688
C Prinsip raja berperlembagaan
D Prinsip pemerintahan demokrasi
8. Sistem pemerintahan beraja di Perancis diganti dengan sistem pemerintahan_____? (ms.24)
A Demokrasi berparlimen
B Republik
C Autokratik
D Oligarki

LATIHAN
BAB 2: KEBANGKITAN NASIONALISME (2.1- 2.4)

Nama: _____

2.1 MAKSUD NASIONALISME

1. Letakkan jawapan dengan tepat.

kebangsaan

perasaan

pembelaan

asing

persatuan

penjajahan

gerakan

negara

Maksud nasionalisme ialah (a) _____ cinta yang mendalam terhadap bangsa dan (b) _____. Selain itu, merujuk kepada semangat (c) _____ berkaitan perjuangan menentang (d) _____ serta (e) _____ terhadap bangsa dan negara. Di samping itu bermaksud f) _____ untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan orang (g) _____.

2. Padankan jawpan dengan betul.

TOKOH	PENGERTIAN
Dr. R. Suntharalingam	Kesetiaan seseorang hanya kepada negara dan bangsanya.
Dr. Burhanuddin al-Helmi	Kesedaran diri kerana ancaman terhadap faktor ekonomi serta kebimbangan masyarakat terhadap sekularisme dan imperialisme Barat.
Profesor William R. Roff	Perjuangan hendaklah melalui persatuan dengan menggunakan segala tenaga yang ada untuk mencapai kemerdekaan melalui adab sopan bangsa Melayu dan agama Islam.
Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim	mengiktiraf hak setiap bangsa untuk menubuhkan negaranya sendiri
Profesor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid	Kesetiaan kepada raja dan orang Melayu berpegang pada faham kebangsaan yang bersifat ke "Tanah Melayuan"
Hans Kohn	Perjuangan orang Melayu bagi mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri

2.2 PERKEMBANGAN IDEA NASIONALISME DI BARAT

3. Isikan tempat kosong.

Revolusi Perancis (1789)

Revolusi Perancis tercetus daripada:

Idea nasionalisme yang memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan oleh golongan pemikir perancis seperti Jean Jacques Rousseau dan Voltaire.

Penulisan Rousseau:

Gelaran suara rakyat:

Sasaran Golongan Revolusi:

i)

ii)

Tindakan golongan revolusi:

i)

ii)

Kesan Revolusi:

ASPEK	REVOLUSI KEAGUNGAN (1688)	REVOLUSI AMERIKA (1776)	REVOLUSI PERANCIS (1789)
Negara terlibat			
Pihak terlibat			
Idea / matlamat revolusi			
Peristiwa revolusi			
Kesan revolusi			